

Nota Ringkas Bab 1 Sejarah Tingkatan 4

Zaman Prasejarah.

1. Terbahagi kepada 4 tahap atau zaman
 - a. Zaman Paleolitik
 - b. Zaman Neolitik
 - c. Zaman Mesolitik
 - d. Zaman Logam
2. Pengkajian Zaman PraSejarah dan budayanya dikaji oleh ahli arkeologi
 - a. Arkeologi ialah kajian terhadap
 - i. Artifak – tinggalan barangan yang dicipta oleh manusia spt pasu, , pinggan mangkuk, tembikar, pisau dll.
 - ii. Ekofak – tinggalan sisa makanan, tulang dan tumbuhan
 - iii. Feature – tinggalan spt struktur bangunan, dan lubang sampah yang tidak dapat diubah.
3. Petempatan zaman Paleolitik di Malaysia ialah di:
 - a. Tingkayu
 - b. Kota Tampan
 - c. Gua Niah
 - d. Lenggong
4. Ciri-ciri kehidupan zaman Paleolitik dan Mesolitik
 - a. Hidup secara nomad iaitu berpindah randah
 - b. Tinggal di tepi tasik, sungai atau gua.
 - c. Hidup dalam kelompok keluarga secara berkumpulan.
 - d. Menyara kehidupan dengan berburu, hasil hutan, dan menangkap ikan.
 - e. Peralatan yang digunakan lebih kepada fungsi penggunaan. Tidak kepadanilai estetika dan seni
5. Manusia zaman neolitik lebih bertamadun daripada Paleolitik dan mesolitik. Buktinya:
 - a. Kehidupannya mula secara kekal dalam kelompok besar – wujud masyarakat.
 - b. Menyara diri dengan bercucuk tanam spt menanam padi di China, Non Nok Tha dan Ban Kao Di Thai, Gua Sireh di Sarawak.
 - c. Menternak binatang spt menternak biri-biri di Iraq.
 - d. Penciptaan alat mempunyai pelbagai fungsi.
 - e. Mencipta tembikar melalui teknik putar spt di Gua Musang.
 - f. Wujud pengkhususan kerja – banyak masa untuk hasilkan artifak.
 - g. Berjaya memikirkan cara melebur logam.
 - h. Sistem tukaran barangan kerana mulai ada lebihan makanan.

- i. Sistem barter –
 - ii. Cengkerang Cowrie atau siput gerus dibentuk jadi rantai.
- 6. Masyarakat Neolitik di Timur Dekat
 - a. Wujud pertanian sejak 8000SM
 - b. Penternakan biri-biri di Iraq
 - c. Di China – padi ditanam sejak 8000 tahun lalu
 - d. Di Asia Tenggara padi ditanam di Non Nok Tha dan Ban Kao di Thailand 3500SM.
 - e. Di Malaysia padi di Gua Sireh Sarawak – 4500SM
- 7. Zaman Logam terbahagi kepada Zaman Gangsa dan Zaman Besi.
 - a. Di Malaysia wujud sekitar 500SM
 - b. Gangsa dihasil – campuran tembaga dan timah.
 - c. Di Eropah – gangsa mula digunakan sekitar 2300SM – 700SM.
 - d. Tanah Besar Asia Tenggara – Zaman Logam sekitar 1000SM – 1500SM – Bukti gendang gangsa di Dongson, Vietnam.
- 8. Manusia zaman Logam lebih maju daripada Paleolitik, Mesolitik, dan Neolitik. Buktinya berasaskan ciri-ciri berikut:
 - a. Penggunaan logam besi dan kejayaan mencipta rumah dan perahu.
 - b. Meneroka lautan dan meningkatkan kegiatan perdagangan maritim.
 - c. Perkembangan perdagangan bermula di pesisiran pantai dan kemudian lebih jauh ke daratan.
 - d. Wujud petempatan besar kepada kota pertahanan.
 - e. Wujud bandar-bandar besar spt. Jericho (8000SM), Catal Hayuk di Turki (6500SM).
 - f. Mengetahui cara mengkebumikan mayat dengan bekalan spt makanan, tembikar dan besi.

Konsep Tamadun

Tamadun boleh dimaksudkan dengan:

1. Madain atau mudun .
2. Madana bermaksud tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar.
3. Civilisation berasal dari Greek *civitas* bermakna bandar
4. Peradaban manusia.
5. Maksud tamadun dari sudut Barat:
 - a. Dikaitkan dengan pembangunan lahiriah spt dalam aspek kebudayaan – penulisan undang-undang, kesenian dan perbandaran.
 - b. Pencapaian lahiriah ialah kayu ukur kemajuan dalam sesebuah masyarakat.
 - c. Pembangunan lahiriah pula ialah proses perkembangan tamadun.

6. Maksud tamadun dari sudut Islam:
 - a. Merangkumi pembangunan lahiriah dan rohaniah.
 - b. Ibn Khaldun melihat dari aspek kehidupan bandar.
 - c. Syed Naquib al-Attas menegaskan pencapaian tahap tatasusila yang tinggi dan kebudayaan yang luhur oleh sesebuah masyarakat.
7. Ibn Khaldun – nama sebenar Abd Al Rahman Ibn Muhamad.
 - a. Lahir – di Tunisia
 - b. Pemikir yang unggul dan asli sosiologi Islam.
 - c. Menganggap kehidupan bandar ialah kehidupan bertamadun. Terbentu apabila lahir semangat assabiah atau kekitaan – maka lahir semangat tolong menolong dan kerjasama.
 - d. Penulisannya – berasaskan pengalaman.
 - e. Karya sulung Muqadimmah – guna istilah
 - i. Umran bermakna tanah yang didiami secara tetap, berkembang dan maju.
 - ii. Hadarah – hidup di bandar yang penuh tatasusila, kesopanan, sopan, adan bermoral yang tinggi.
 - iii. Karyanya jadi rujukan sarjana barat, bidang sosiologi dan sejarah.
8. Terdapat 6 ciri tamadun iaitu:
 - a. Petempatan kekal
 - i. Lebih sistematik, tidak berpindah randah.
 - ii. Berusaha menternak, bertani, dan mencipta peralatan bagi meningkatkan pengeluaran.
 - b. Sistem pemerintahan
 - i. Pemerintahan yang bersistem dengan Raja sebagai ketua dianggap mewakili tuhan.
 - ii. Adanya sistem perundangan yang mengawal perilaku rakyat, menjaga keamanan dan kemakmuran.
 - c. Agama dan Kepercayaan
 - i. Manusia mula percaya ada kuasa ghaib yang mengawal sekeliling mereka.
 - ii. Wujud kepercayaan animisme dan kemudian politisme dan penyembahan tuhan.
 - d. Kehidupan berorganisasi
 - i. Wujud lapisan masyarakat yang berperanan spt Raja, pembesar rakyat.
 - ii. Dapat aturkan kehidupan yang stabil dan makmur.
 - e. Pengkhsusan Kerja
 - i. Mengakibatkan peningkatan pengeluaran.
 - ii. Berkembangnya pertukaran barangan dan perdagangan.

- iii. Wujud ilmu pengetahuan dan penciptaan teknologi.
- f. Bahasa dan Sistem Penulisan.
 - i. Wujudnya bahasa Yunani dan Sanskrit.
 - ii. Tulisan hieroglif, cuniefom, ideogram dan piktograf.
 - iii. Tersebar ilmu pengetahuan dan perhubungan.
 - iv. Digunakan dalam urusan pentadbiran spt penyimpanan rekod, penulisan undang-undang dan hal keagamaan.

Proses Pembentukan Tamadun

1. Pembentukan awal tamadun terletak di lembah sungai spt:
 - a. Tamadun Mesopotamia di Sungai Euphrates dan Tigris.
 - b. Tamadun Mesir Purba di Sungai Nil.
 - c. Tamadun Indus di lembah sungai Indus.
 - d. Tamadun Hwang Ho di lembah sungai Hwang Ho.
2. Sebab pemilihan lembah sungai sebagai tumpuan tamadun awal:
 - a. Kesuburan tanah untuk pertanian.
 - b. Bekalan air untuk keperluan harian dan pertanian.
 - c. Memudahkan pengangkutan memasarkan barangan dan berhubung.
 - d. Sumber makanan daripada tangkapan ikan.
 - e. Sebagai alat perhubungan.

Tamadun Mesopotamia

1. Bermaksud tanah di antara dua sungai. Terletak antara Sungai Euphrate dan sungai Tigris
2. Terbahagi kepada tujuh zaman pemerintahan iaitu:
 - a. Kerajaan Sumeria – 3500 – 2340 SM
 - i. Merujuk wilayah selatan Iraq – Sumir .
 - ii. Peringkat awal didiami dua puak – Orang Sumeria dan Orang tidak tahu asal usulnya dan kecil bilangannya.
 - b. Kerajaan Akkad – 2371 – 2006 SM
 - c. Kerajaan Ur – 2113 – 2006 SM
 - d. Kerajaan Babylon Awal dan Lama – 2000 – 1530 SM
 - e. Kerajaan Kassites – 1530 – 1100 SM
 - f. Kerajaan Assyria – 1100 – 626 SM
 - g. Kerajaan Chaldea - 626 – 539 SM
3. Parsi telah menguasai wilayah mesopotamia sehingga menyebabkan keruntuhan kerajaan tersebut.
4. Proses pembentukan tamadun Mesopotamia melalui proses berikut:
 - a. Terbahagi kepada dua bahagian – utara dan selatan Baghdad.

- b. Utara Baghdad meliputi kawasan Sg Tigris ke utara termasuk Sg. Zab yang dikenali Assyria.
 - c. Selatan Baghdad meliputi kawasan Sg. Tigris dan Euphrate dikenali Babylon.
 - d. Bermula di wilayah selatan iaitu Sumer – org Sumeria bina petempatan – menjalankan aktiviti pertanian dan bina sistem pengairan.
 - e. Perkampungan awal berkembang jadi kota dan membentuk negara kota spt Kish, Lagash, Uruk, Ur, Eridu, Assur, dan Mari.
 - f. Negara kota ini terletak di sepanjang sungai dan tersusun sistematik.
 - i. Keluasannya sekitar 1000 batu persegi. Cth Kota Lagash – keluasannya 1800 batu persegi, penduduknya 30000 – 35000 orang.
 - ii. Setiap negara kota merupakan kerajaan berdaulat – ada unit politik sendiri.
 - iii. Hanya bersatu untuk menentang musuh.
5. Ciri-ciri tamadun Mesopotamia.
- a. Setiap negara kota ada ciri tersendiri dan terbahagi kepada beberapa kawasan utama iaitu pusat kota, tembok kota, luar kota dan pelabuhan.
 - b. Ada kubu pertahanan dengan pelbagai pintu gerbang – lambang kekayaan negara kota.
 - c. Di pusat kota terdapat istana, rumah kediaman, rumah ibadat, rumah kedai, dan pasar.
 - d. Jalanraya lebar dan lurus.
 - e. Rumah ibadat menjadi tumpuan masyarakat dan pusat kota.
 - f. Ada unit politik tersendiri dan agamanya.
 - g. Sungai dan kawasan tanah pamah memudahkan pengangkutan dengan kapal, pedati dan keldai.
 - h. Jalan laut menghubungkan negara kota dengan wilayah sekitarnya.
 - i. Antara jalan utama ialah yang hubung Sumeria dan Kota Mari diguna pedagang luar dari Mesopotamia.
6. Organisasi sosial masyarakat Mesopotamia terbahagi dua golongan iaitu
- a. golongan pemerintah
 - i. Terdiri daripada Raja, Ketua pendeta, ketua Tentera dan orang bangsawan.
 - b. rakyat.
 - i. terdiri daripada rakyat bebas,- petani, artisan, dan pedagang.
 - ii. Hamba – daripada tawanan perang.
7. Raja dalam sistem pemerintahan Mesopotamia berperanan sebagai:
- a. Ketua kerajaan/pemerintah dan dianggap sebagai tuhan atau wakil tuhan dan pemilik negara kota, dikenali teokrasi.

- b. Ketua tentera
 - c. Ketua pendeta/agama
 - d. Berkuasa melantik pembesar terutama ahli keluarga dalam memegang jawatan di Zigurat.
 - e. Berkuasa dalam bidang ekonomi – pengutipan cukai tanah, hasil pertanian dan perniagaan.
 - f. Ketua pemerintahan dan dibantu golongan bangsawan yang ada ikatan kekeluargaan.
 - g. Masyarakatnya tidak menyembah raja saebagai tuhan kecuali dalam zaman Raja Naramsin di Akkad – gelar diri Raja Empat Penjuru Alam.
8. Dalam bidang pengkhususan kerja dapat dilihat melalui aspek:
- a. Wujud bila ada lebihan hasil pertanian. Kesannya – ada petani yang tukar kerja sebagai petani, artisan, dan peniaga
 - b. Wujud perdagangan antarabangsa untuk dapatkan banyak bahan mentah spt logam, kayu - kayan, emas, dan perak. Ditukarkan dengan hasil pertanian. Dagang dengan lembah Indus.
 - c. Wujud pengusaha tembikar, tekstil, dan alat keperluan.
 - d. Tukang rumah- keperluan masyarakat untuk rumah.
 - e. Rakyat yang berkhidmat sebagai tentera.
9. Aspek keagamaan dan kepercayaan masyarakat Mesopotamia dapat dilihat berdasarkan ciri berikut:
- a. Mengamalkan kepercayaan banyak tuhan – politiesme.
 - b. Raja sebagai wakil tuhan. Era Raja Naramsin di Akkad – gelar diri Raja Empat Penjuru Alam. Paksa rakyat sembahnya.
 - c. Pendeta ketua upacara agama di Zigurat.
 - d. Tidak percaya kehidupan selepas mati tetapi hanya jatuh ke dalam gua yg penuh debu.
 - e. Pemerintahan oleh tuhan atau wakil tuhan berasaskan hukum agama dan bersifat ketuhanan – teokrasi.
10. Sistem tulisan
- a. berasaskan gambar dan berkembang menjadi simbol dan ditulis pada tanah liat. Gunakan pen rumput buluh - bentuk pepaku dikenali cuneiform.
 - b. Wujud jurutulis
 - c. Tradisi kesusasteraan – Epik Gilgamesh
 - i. kisah Falsafah dan cara hidup masyarakat Mesopotamia. Tentang kepahlawanan Gilgamesh – ada sifat dua pertiga tuhan, satu pertiga manusia. Wajah tampan, ada kekuatan dan keberanian. Telah memerintah dan memberikan perlindungan kepada Kota Uruk.
 - ii. Ceritakan juga kehidupan yang kekal dan kesaktian.

Sumbangan Tamadun Mesopotamia

1. Dalam Perundangan - Sumbangan Raja Hammurabi 1792 – 1750SM.
 - a. Hammurabi – Keturunan Amorite , Banyak dirikan negara kota, Pusat pemerintahan di Babylon. Menakluk Akkad – jadi Raja Mesopotamia.
 - b. Aspek undang-undang ini dapat dicirikan dengan:
 - i. Mengenalkan Kod Undang-Undang Hammurabi
 - ii. Berteraskan hak rakyat terhadap keadilan.
 - iii. Hukuman adalah setimpal dengan kesalahan, tetapi berbeza ikut susun lapis masyarakat. Contoh:
 1. Jika rakyat patah tulang bangsawan – tulangnya akan dipatahkan.
 2. Jikan bangsawan cedera atau patahkan tulang rakyat – hukumannya denda satu wang perak.
 - iv. Kod ini mengandungi 282 undang-undang yang dipahat pada tembok.
 - v. Dasar perundangan tamadun Mesopotamia.
 - vi. Berjaya mengelakkan wujudnya permasalahan di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan susun lapis masyarakat.
 - vii. Wujudkan perpaduan dan mengukuhkan organisasi.
 - c. Wujudkan empayar Kerajaan Akkad – empayar pertama di dunia.
 - i. Raja Sargon berjaya satukan wilayah kerajaan Sumeria di Selatan Mesopotamia.
 - ii. Perintis pembentukan empayar – jadi ikutan Firaun Tutmose III.
 - d. Telah membantu peradaban Mesopotamia dan pembentukan masyarakat dari 3000SM hingga 539SM.
2. Sumbangan dalam aspek tulisan memberikan kelebihan dalam aspek berikut:
 - a. Melahirkan sistem pendidikan dan mewujudkan jurutulis.
 - i. Wujudkan perpustakaan – perpustakaan diRaja.
 1. 22000 tablet – kandung pelbagai penemuan.
 2. Antaranya ilmu perubatan. Surat dan dokumen perniagaan.
 3. susunan peristiwa peperangan ikut urutan sejarah.
 - b. Pentadbiran dan perniagaan dapat direkodkan.
 - c. Urusan jula beli direkod dalam resit, nota, dan surat kredit.
 - d. Melahirkan golongan sastera dan kesusasteraan spt epik Gilgamesh – tertua di dunia menjelaskan falsafah dan cara hidup orang Mesopotamia.
 - i. kisah Falsafah dan cara hidup masyarakat Mesopotamia. Tentang kepahlawanan Gilgamesh – ada sifat dua pertiga tuhan, satu pertiga

manusia. Wajah tampan, ada kekuatan dan keberanian. Telah memerintah dan memberikan perlindungan kepada Kota Uruk.

ii. Ceritakan juga kehidupan yang kekal dan kesaktian.

3. Sains dan teknologi:

- a. Perkembangan ilmu astronomi.
- b. Perkembangan pencerapan bulan, bulan dan matahari telah mengembangkan ilmu matematik – sistem mengira perpuluhan, menambah, menolak, darab, bahagi, punca ganda dua dan ilmu geometri.
- c. Astronomi – guna jalan laut perdagangan dan penerokaan.
- d. Penciptaan kalendar 12 bulan.
- e. Perkembangan ilmu perubatan – kerajaan Assyria.
- f. Penciptaan roda dan kereta kuda – peperangan atau kegunaan harian.
- g. Kincir air – mengairi kawasan tandus, kawal banjir dan tingkatan hasil pertanian.
- h. Kapal layar dan pengangkutan beroda menguasai jalan laut dan darat.
- i. Perkenalkan batu bata daripada tanah liat.
- j. Dalam seni bina berjaya:
 - i. Mencipta arca dan tiang batu – Cth Zigurat dan patung Raja Gudea
 - ii. Pembinaan Taman Gantung Babylon – dibina Raja Chaldea zaman Raja Nebuchadnezzar.
 - iii. Terdapat pelbagai jenis pokok dan pokok bunga – ditanam pada binaan bertingkat di bukit berteres.

Tamadun Mesir Purba

1. Berkembang dari petempatan awal zaman Neolitik 10000- 5000SM. Sekitar 3500SM di kaw delta dan tengah Mesir berkembang jadi tamadun awal .
2. Terbahagi 4 zaman
 - 2.1. Awal - 3100 – 2200SM
 - 2.2. Pertengahan - 2040 – 1785Sm
 - 2.3. Empayar - 1570 – 1085SM
 - 2.4. Keruntuhan - 1085 – 322SM - Dikuasai :
 - 2.4.1. Libya 1110 – 947SM ,
 - 2.4.2. Kush 730 – 670SM
 - 2.4.3. Assyria 663 – 609SM
 - 2.4.4. Parsi 525SM
 - 2.4.5. Yunani 332 – 30SM
 - 2.4.6. Rom 30SM
3. Terletak di tebing Sungai Nil – ada dataran yang subur.
4. Pusat pentadbiran – Memphis, Thinis, dan Thebs.
5. Kuasa luar yang pernah jajah – Libya, Kush, Assyria, Parsi, Yunani dan Rom.

6. Proses pembentukan tamadun Mesir Purba
 - 6.1. Bermula dalam zaman logam sejak 5000SM dgn membina sistem perparitan dan pengairan untuk pertanian.
 - 6.2. Kemudian bina peralatan kawalan air dan terusan – tingkatkan kesuburan pertanian.
 - 6.3. Mendirikan petempatan dan berkembang menjadi kampung.
 - 6.4. Perkampungan berkembang jadi bandar dan bergabung bentuk daerah @ nome.
 - 6.5. Nome atau daerah disatukan jadi pusat pentadbiran spt Thebes, Thinis dan Memphis. Salah satunya jadi pusat pentadbiran.
7. Ciri-ciri petempatan kekal :
 - 7.1. Asas petempatan disatukan oleh Firaun Menes 3200SM. Semua nome disatukan jadi sebuah kerajaan.
 - 7.2. Pusat pentadbiran berpindah ke Memphis dari Thinis – hampir dengan sungai Nil.
 - 7.3. Kemudian berpindah ke Thebes pd zaman kemuncaknya.
 - 7.4. Menjadi tempat kediaman Firaun.
 - 7.5. Bandar berfungsi sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran. Pelabuhan dijadikan pusat keagamaan dan tumpuan penduduk.
8. Bentuk dan struktur organisasi :
 - 8.1. Firaun merupakan raja yang berkuasa mutlak serta dianggap suci
 - 8.2. Jawatan firaun diwarisi secara turun-temurun.
 - 8.3. Firaun dianggap sebagai tuhan Horus semasa pemerintahan dinasti ketiga dan keempat, firaun digelar sebagai Raja Matahari, iaitu Amon-Re.
 - 8.4. Firaun juga merupakan ketua pendeta, ketua hakim, pemilik tanah, dan ketua pahlawan.
 - 8.5. Golongan pahlawan menjalankan pentadbiran, menjaga keamanan, mengurus dan mengagihkan makanan dan menjadi pegawai, penasihat dan gabenor wilayah yang ditakluki.
 - 8.6. Para rahib dipertanggungjawabkan oleh firaun untuk mentadbir hal keagamaan.
 - 8.7. Jurutulis ditugaskan untuk menulis rekod kerajaan.
 - 8.8. Rakyat bebas terdiri daripada petani, pedagang dan artisan.
 - 8.9. Hamba adalah susun lapis masyarakat yang paling bawah.
9. Sistem Pemerintahan dan peranannya:
 - 9.1. Raja – Ketua dan pemerintahan Mesir Purba. Bergelar Firaun. Perkataan Firaun dari Yunani *Pharaoh* – bermaksud rumah yg agung. Merujuk istana dan raja yang memerintah. Berperanan:
 - 9.1.1. Raja berkuasa mutlak

- 9.1.2. Dianggap sebagai suci dan dianggap sebagai jelmaan tuhan Horus.
- 9.1.3. Mewarisi pemerintahan secara turun temurun.
- 9.1.4. Dalam dinasti ke tiga dan empat Firaun digelar Amon Re – Raja Matahari.
- 9.1.5. Ketua pendeta, pemilik tanah, ketua hakim, dan pahlawan.
- 9.1.6. Dibantu golongan bangsawan dalam jalakan pemerintahan, menjaga keamanan, mengurus dan mengagih makanan.
- 9.1.7. Melantik para rahib mentadbir hal keagamaan.
- 9.1.8. Melantik orang awam sebagai jurutulis rekod kerajaan.
- 9.1.9. Firaun Hatshepsut seorang wanita – membina terusan dan menukar padang pasir jadi tanah pertanian yang subur
- 9.2. Pembesar, Bangsawan, Rahib, Jurutulis, Tuan Tanah
 - 9.2.1. Membantu raja sebagai pegawai, penasihat dan gabenor wilayah.
 - 9.2.2. Rahib mentadbir hal keagamaan.
 - 9.2.3. Jurutulis merekod rekod kerajaan.
- 9.3. Rakyat Bebas – Petani, Pedagang, Artisan
- 9.4. Hamba
- 10. Pengkhususan pekerjaan masyarakat Mesir.
 - 10.1. Terlibat dalam kraftangan seperti penenunan dan pembuatan barangan tembikar dan peralatan.
 - 10.2. Hasil tekstil dan kertas untuk eksport.
 - 10.3. Perlombongan emas di Nubia.
 - 10.4. Sungai Nil – membolehkan kapal menyusuri dan berlabuh di pelabuhan spt Thebes, Memphis, Fayoun, dan Heliopolis untuk aktiviti perdagangan.
 - 10.5. Pentadbiran terancang – menarik pedagang Laut Mediterranean dan Laut Merah untuk singgah di Pelabuhan Mesir Purba.
- 11. Kepercayaan masyarakat Mesir.
 - 11.1. Berkonsepkan politeisme.
 - 11.2. Setiap tahun orang Mesir Purba selalu dikaitkan dengan unsur alam seperti Re (Tuhan Matahari), Ra-Atum (Tuhan Langit) dan Amun (Tuhan Angin).
 - 11.3. Mempercayai kepada kehidupan selepas mati dan mayat perlu disimpan serta dijaga dengan teliti.
 - 11.4. Makam mayat dibekalkan dengan barangan kelengkapan harian serta kehidupan selepas mati
- 12. Ciri-ciri sistem tulisan Mesir Purba:
 - 12.1. Sistem tulisan hieroglif – tulisan bergambar. Berkembang kepada hieratik – tulisan berangkai kemudian demotik 700SM .

- 12.2. Sistem tulisan ini berasaskan kombinasi gambar dan simbol berdasarkan bunyi.
- 12.3. Sistem tulisan bertujuan mencatatkan rekod aktiviti pertanian dan pengutipan cukai.
- 12.4. Juga berperanan dalam keagamaan dan amalan ritual kepercayaan.

Sumbangan Tamadun Mesir Purba

1. Sumbangan dalam sains dan teknologi.
 - a. Sumbangan seni bina piramid-dibina Imhotep.
 - i. Jasa Imhotep – Bina piramid Sakkara.
 - ii. Dibina untuk Firaun Djoser – Firaun kedua dinasti ketiga.
 - b. Memperkenalkan teknik pembinaan menggunakan batu bata.
 - c. Mencipta kertas daripada pokok papyrus.
 - d. Penciptaan kertas memudahkan penyimpanan khazanah bangsa.
 - e. Tinggalan tamadun Mesir Purba kepada dunia adalah dalam bentuk rekod yang tertulis dan terpahat dalam sistem tulisannya iaitu hieroglif.
 - f. Kemajuan dalam ilmu perubatan melahirkan pengamal perubatan mendapat status yang tinggi dalam masyarakat dan berkhidmat untuk firaun dan masyarakat.
 - i. Dokumen perubatan Mesir Purba jumpa dalam makam Firaun Khufu. 1600SM.
 - ii. Catatan perubatan yang tertua.
 - g. Kemajuan dalam bidang perubatan dalam memumiakan mayat.
 - h. Tahap keilmuan dan kemahiran dalam bidang fizik, kimia, perubatan dan pembedahan memberikan sumbangan besar kepada perkembangan ilmu hingga ke hari ini.
 - i. Penggunaan ilmu matematik digunakan untuk mengawal banjir.
 - j. Berjaya mencipta sistem pengairan – menyuburkan kawasan pertanian.
 - k. Zaman Firaun Senuustret III – berjaya menebusguna tanah – 123KM dan bina terusan mengairi 10000hektar.
 - l. Memperkenalkan kalendar 365 hari , 12 bulan setahun.
 - m. Tinggalan bangunan, tulisan, dokumen, dan buku – pembuktian wujud tamadun Mesir Purba.
 - n. Pengawalan air nadi tamadun Mesir.
2. Sumbangan dan penekanan dalam pendidikan.
 - a. Diwujudkan untuk kanak-kanak sejak umur rendah – golongan atasan.
 - b. Diadakan di rumah ibadat dan dikawal kerajaan.
 - c. Tujuan – lahirkan golongan pegawai kerajaan spt jurutulis.
 - d. Wujudkan juga ahli sains, geometri, matematik – uruskan hal ehwal pertanian, pengawalan air, pembinaan bangunan, dan piramid.

Tamadun Indus

1. Di lembah Indus disaliri sungai Indus yang berpunca dari Gunung Himalaya dan sekelilingnya.
2. Dikenali juga sebagai Tamadun Harappa.
3. Mula muncul pada sekityar tahun 2500SM dan merosot 1800SM.
4. Kehancuran disebabkan serangan orang Aryan serta bencana alam spt banjir, kemarau, dan gempa bumi.
5. Dua negara kota Tamadun Indus.
 - a. Mohenjo-Daro
 - b. Harappa
6. Proses pembentukan tamadun Indus spt berikut:
 - a. Penduduk nomad di barat laut India membentuk pentempatan kekal di sepanjang sungai Indus.
 - b. Kekal kerana adanya sungai Indus – menyediakan sumber air dan tanah yang subur.
 - c. Telah meningkatkan hasil pertanian dan menambahkan jumlah penduduk kerana kepandainya menyesuaikan diri dengan alam sekitar.
 - d. Sebabkan wujudnya bandar dan yg utama Mohenjo-Daro dan Harappa – bandar pelabuhan penting.
7. Ciri-ciri keistimewaan Mohenjo-Daro dan Harappa sebagai petempatan kekal
 - a. Pembentukan yang terancang dan terbahagi kepada 2 bahagian dan dikelilingi tembok.
 - i. Bahagian utama – pusat pentadbiran dan keagamaan yang menempatkan bangunan pentadbiran, tempat mandi awam yang digunakan utk upacara ritual dan pembersihan.
 - ii. Bahagian kedua – kawasan perumahan dan disusun berasaskan blok berbentuk segi empat.
 - b. Setiap blok dipisahkan satu rangkaian jalanraya dan lurus. Bersambung antara satu sama lain.
 - i. Blok berasaskan segi empat dan dipisahkan oleh jalanraya yg lurus dan bersambung.
 - c. Perancangan bandar dibantu oleh kemajuan ilmu geometri dan pembinaan yang diterapkan daripada Tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba.
 - d. Menggunakan batu bata daripada tanah liat melalui pembakaran suhu yang tinggi.
 - e. Ada sistem kumbahan dan saluran yang terancang.
 - i. Rumah ada bilik mandi dan tandas.

- ii. Air kumbahan disalurkan keluar melalui paip ke longkang.
 - iii. Longkang tidak ditutup terus untuk pembersihan.
 - iv. Bahan buang dihantar ke luar bandar.
 - f. Bandar boleh dihubungi melalui sungai. Berfungsi sebagai alat perhubungan.
8. Ciri-ciri sistem organisasi sosial masyarakat Tamadun Indus.
- a. Terbahagi dua golongan:
 - i. Bawahan
 - I. Terdiri daripada petani, buruh, dan hamba.
 - II. Petani menjalankan aktiviti pertanian dan salurkan sebahagian hasil kepada kerajaan.
 - III. Golongan buruh menjalankan kerja perburuhan spt menjaga kebersihan bandar, membina tembok di benteng dan membina terusan.
 - ii. Atasan
 - I. Terdiri daripada pendeta dan pedagang.
 - II. Pendeta mempunyai pengaruh dan kuasa yang besar dalam mengawal aktiviti masyarakat terutamanya yang melibatkan aspek keagamaan.
 - III. Mempunyai pengaruh keagamaan – alat dapatkan taat setia golongan bawahan.
9. Aspek pengkhususan pekerjaan masyarakat Indus dapat dicirikan dengan:
- a. Menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi spt perdagangan, pertanian, pertukangan dan pembuatan.
 - b. Aspek perdagangan membabitkan perdagangan luar dengan Mesopotamia. Dibuktikan dengan penemuan cap mohor di Mesopotamia
 - i. Cap mohor diperbuat dari batu lembut, diukir, dan dipanaskan.
 - ii. Berbentuk segi empat bujur.
 - iii. Lambang pengenalan diri atau kumpulan pedagang.
 - c. Hasil perdagangan spt emas, gading, manik, dan hasil pertanian.
 - d. Petani mengeluarkan hasil spt barli, kacang dan sebagainya.
 - e. Golongan artisan terlibat dalam pembinaan dan penghasilan barangan logam dan tembikar.
10. Amalan keagamaan dan kepercayaan masyarakat Indus.
- a. Mempunyai satu amalan agama dibuktikan dengan penemuan patung dan ukiran yang mempunyai unsur keagamaan iaitu patung Proto-Siva.
 - b. Patung tersebut menunjukkan seseorang sedang duduk bersila dengan stail yoga dan terdapat tiga tanduk di kepelanya yang melambangkan Dewa Brahma, Vishnu dan Siva.

- c. Proto Siva menjadi sangat penting dari sudut perkaitannya dengan agama Hindu.
- d. Masyarakat dalam tamadun ini juga percaya kepada Tuhan Ibu.
 - i. Dibuktikan dengan penemuan patung wanita.
 - ii. Disembah sebagai lambang kesuburan.
 - iii. Berlaku juga dalam masyarakat Mesopotamia, Asia Kecil, Syria, dan Palestin.

11. Sistem tulisan yang dihasilkan ialah sistem tulisan piktograf.

Sumbangan Tamadun Indus

1. Perancangan bandar – sebab utama kerana:
 - a. Terdapat gabungan kepakaran dari sudut perletakan bandar dan pengisiannya.
 - b. Pemahaman dalam ilmu geometri.
 - c. Pemahaman dalam ilmu kesenian.
 - d. Pemahaman dalam ilmu matematik.
 - e. Mahir dalam bidang pembinaan.
 - f. Pertembungan dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir menghasilkan perancangan bandar berbentuk segi empat dengan jalan raya yang lurus.
 - g. Meningkatkan mutu pembinaan dengan membuat batu bata melalui pembakaran suhu yang tinggi.
2. Sifat keterbukaan. Penting kepada kemajuan manusia kerana :
 - a. Tamadun Indus memperlihatkan bahawa sesebuah masyarakat tidak akan mampu mencapai kecemerlangan tanpa membuat hubungan serta bertukar pandangan dengan pihak lain.
 - b. Hubungan dengan tamadun Mesopotamia serta tamadun Mesir Purba membolehkan kedua-dua pihak memperoleh manfaatnya dalam bentuk pertukaran teknologi.
 - c. Hubungan dengan tamadun Mesopotamia membolehkan segala pengaruh dari luar disesuaikan dengan keadaan tempatan.
 - i. Dilihat melalui nama bandar Makan dan Meluhha.
 - ii. Makan – Makran
 - iii. Meluhha – Mohenjodaro.
 - d. Tamadun Indus telah menunjukkan kepada masyarakat dunia moden akan sifat keterbukaan dalam proses pembinaan sesebuah tamadun, termasuk keamanan.

- e. Tamadun Indus mengajar kita bahawa kedamaian dan keamanan adalah tunjang kepada sesebuah bangsa untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan.
3. Kematangan ketamadunan manusia – sebab :
 - a. Pencapaian cemerlang dalam perancangan bandar.
 - b. Menjalankan kegiatan perdagangan antarabangsa.
 - c. Pencapaian dalam keseimbangan rohani dan kepercayaan.
 - d. Melahirkan masyarakat yang kreatif.
 - e. Menghasilkan teknologi yang hebat.

Tamadun Hwang Ho

1. Terletak dilembah sungai Hwang Ho atau sungai Kuning utara China.
2. Dinasti awal dalam tamadun Hwang Ho ialah
 - a. Dinasti Hsia yang bermula pada sekitar tahun 2205-1766 S.M.
 - b. Dinasti Shang pada sekitar tahun 1766-1050 S.M.
 - c. Dinasti Chou dari tahun 1050-256 S.M.
3. Proses pembentukan melalui aspek berikut:
 - a. Lembah Hwang Ho yang subur menarik penduduk nomad untuk tinggal menetap dan membina petempatan.
 - b. Tapak Banpo yang berhampiran bandar Siam moden merupakan petempatan awal penduduk Hwang Ho.
 - c. Penduduk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan binatang, mengumpul hasil hutan dan berburu.
 - d. Perkembangan petempatan awal mewujudkan beberapa buah bandar antaranya Anyang yang menjadi pusat kerajaan Dinasti Shang.
 - e. Semasa Dinasti Chou, tamadun ini tersebar hingga ke bahagian selatan Sungai Yangtze.
4. Proses pembentukan negara kota tamadun Hwang Ho ialah
 - a. Hwang Ho menyuburkan kawasan – tarik petempatan.
 - b. Tapak Banpo ialah petempatan awal.
 - c. Asaskan pertanian, penternakan, kutip hasil hutan, memburu.
 - d. Berkembang - wujud bandar-bandar dan Anyang menjadi negara kota Dinasti Shang.
 - i. Anyang dilengkapi dengan tembok untuk menghalang pencerobohan musuh dan dikelilingi perkampungan yang didiami oleh masyarakat petani.
 - ii. Ketua pemerintah – Raja, golongan pembesar dan golongan agama tinggal di bandar.
 - iii. Dibandar ini terdapat istana, kuil dan pusat pentadbiran Dinasti Shang.

- e. Dinasti Shang sebar budaya dan luaskan wilayah.
- f. Dinasti Chou sebar hingga Sungai Yangtze.

Ciri-Ciri Tamadun Hwang Ho

1. Aspek organisasi sosial masyarakat Dinasti Shang ialah
 - a. Raja menduduki lapisan teratas diikuti golongan pembesar.
 - b. Golongan petani yang membentuk sebahagian besar penduduk, mendiami kawasan diluar negara kota ini.
 - c. Golongan artisan memiliki kemahiran menguasai teknologi gangsa yang digunakan bagi menghasilkan senjata, perisai dan hiasan pada kereta kuda yang digunakan oleh tentera serta peralatan untuk acara keagamaan.
 - d. Golongan pembesar yang mampu memiliki tentera dan senjata gangsa menggunakan keistimewaan untuk menundukkan golongan bawahan.
 - e. Golongan paling bawah dalam masyarakat Shang ialah hamba.
2. Aspek sistem pemerintahan Dinasti Shang ialah
 - a. Sistem pemerintahan berbentuk pemerintahan beraja.
 - b. Pengganti raja selalunya dilantik daripada kalangan saudara lelaki yang lebih muda atau anak lelaki raja.
 - c. Raja-raja berkuasa keatas pusat pentadbiran dan mempunyai kewibawaan politik, ekonomi, sosial dan agama.
 - d. Mengikut kepercayaan masyarakat kuasa raja merupakan mandat daripada tuhan.
 - i. Jika raja adil – kerajaan dan rakyat makmur dan sejahtera kerana restu Tuhan – jika tidak sebaliknya.
 - ii. Percaya Dinasti Shang runtuh kerana zalim.
 - e. Raja-raja Shang tidak perlu mendapatkan pengesahan politik kerana mereka adalah daripada keturunan pemerintah agama.
 - f. Raja dibantu oleh golongan bangsawan yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir wilayahnya.
 - g. Golongan bangsawan berhak mewujudkan sistem dalam tugas seperti pungutan cukai, pertahanan dan undang-undang.
 - h. Kezaliman Raja Shang menunjukkan raja kehilangan mandat menyebabkan golongan hamba menyingkirkan Dinasti Shang untuk diganti dengan Dinasti Chou. Pemerintahan Raja Chou telah
 - i. membahagikan pemilikan tanah mereka kepada wilayah-wilayah dan melantik pembesar tempatan di setiap wilayah ini.
 - ii. mengikat pembesar tempatan melalui ikrar taat setia kepada pemerintahan dan memberikan hadiah seperti kereta kuda, senjata gangsa, hamba dan binatang.

- iii. meminta melindungi raja dan memberikan bantuan tentera pada masa perang.
 - iv. memberi hak kpg pembesar tempatan bertindak sebagai ketua agama untuk menjalankan upacara pengorbanan.
 - v. Dibantu oleh ketua menteri dan enam badan yg urus
 - i. Pertanian
 - ii. Tentera
 - iii. Kerja awam
 - iv. Upacara agama
 - v. Hal ehwal monarki
 - vi. Undang-undang.
 - vi. Peringkat wilayah dikendali pembesar feudal.
3. Ciri-ciri pengkhususan pekerjaan dan peranan masyarakat .
- a. Golongan pembesar mempunyai tentera masing- masing terdiri daripada tentera berkuda dan tentera berjalan kaki.
 - b. Golongan petani sebagai tonggak ekonomi dan pentadbiran berperanan memenuhi keperluan golongan atasan,
 - c. Golongan artisan telah mencipta pelbagai barangan tembaga seperti bekas minuman dan makanan, senjata dan barang tembikar.
 - d. Golongan hamba berfugsi ;
 - i. sebagai tentera paksaan
 - ii. membantu kerja-kerja perburuhan
 - iii. bagi tujuan koban dalam upacara penyembahan.
4. Agama dan kepercayaan .
- a. Sebahagian masyarakat mengamalkan kepercayaan animisme dan politisme.
 - b. Masyarakat Shang mempercayai politeisme seperti tuhan syurga, tuhan bumi, sungai, bukit dan gunung.
 - c. Mereka mengamalkan penyembahan roh nenek moyang.
 - d. Mereka juga sembah tuhan syurga (Shang Ti) dan Tuhan Bunyi (Tu). Sembha juga bukit, sungai, dan gunung.
 - i. Shang Ti – Dewa tertinggi di syurga dan nenek moyang Shang.
 - ii. Percaya pada kuasa agung – Tien. – suatu makhluk unggul atau kuasa tertinggi alam semesta atau syurga.
 - iii. Konsep ini mempengaruhi Yin dan Yang.
 - i. Alam semesta dan kejadiannya terdiri dari dua unsur.
 - ii. Yin – kuasa pasif
 - iii. Yang – Kuasa aktif
 - e. Upacara sembah melibatkan permainan muzik, tarian dan upacara korban diketuai oleh bomoh.

- f. Tulang oracle berfungsi bagi meramal keadaan.
 - i. Bomoh terlibat dalam upacara penilikan tulang oracle meletakkan di atas unggun api sehingga timbul rekahan untuk maramalkan untuk mentafsir sesuatu kejadian.
 - ii. Amalan ini bawa kemunculan sistem tulisan.
- 5. Sistem tulisan masyarakat Tamadun Hwang Ho berbentuk
 - a. Rekahan tulang oracle mempengaruhi idea penciptaan tulisan.
 - b. Tulisan peringkat awal berbentuk ideogram berdasarkan simbol.
 - c. Tulisan asal mempunyai gambar seperti kanak-kanak, bulan, matahari dan sungai.

Sumbangan Tamadun Hwang Ho

1. Aspek Politik
 - a. Sistem pemerintahan berbentuk monarki hingga Zaman Dinasti Ching.
 - b. Gelaran Raja bertukar jadi Maharaja.
 - c. Raja dikatakan anak syurga dan dapat mandat dari syurga.
 - d. Pemerintahan Dinasti diteruskan sehingga abad ke 20.
2. Aspek Ekonomi
 - a. Sistem pengairan diperbaharui.
 - b. Bina terusan untuk pertanian dan elak banjir.
 - c. Teknologi pembajakan dan penciptaan cangkul dan sabit untuk pertanian.
 - d. Menggunakan batas .
 - e. Maenggunakan alat pertanian daripada kayu kepada besi.
3. Aspek Sosial
 - a. Sistem tulisan digunakan hingga hari ini.
 - b. Tulisan digunakan dalam bidang penulisan dan pencetakan.
 - c. Tulisan diajar di sekolah-sekolah di Cina.
 - d. Berkembang dan digunakan oleh orang Korea dan Jepun.
4. Agama dan kepercayaan
 - a. Kepercayaan yang masih berkekalan sehingga hari ini ialah pemujaan roh nenek moyang.
 - b. Unsur pemujaan dijalankan sejak zaman Shang, diteruskan mengikut kesesuaian masa dengan unsur korban manusia digantikan dengan unsur makanan, duit kertas dan barang hiasan.
 - c. Konsep Yin dan Yang serta Feng Hsui merupakan dua daripada kepercayaan yang masih terdapat dalam masyarakat China sehingga hari ini.
 - i. Feng Hsui = Dari falsafah Taoisme berlandaskan alam semesta .
 - ii. Rujuk hubungan manusia dan alam.

- d. Orang China percaya bahawa alam semesta dan kejadiannya terdiri daripada dua unsur yang saling melengkapi Yin kuasa pasif dan Yang kuasa aktif.
- e. Feng Hsui merujuk kepada falsafah Taoisme berlandaskan bagaimana manusia berharmoni dengan alam semesta.
- f. Pemerintahan Shang, sistem kalender telah diperkenalkan, terdapat 30 hari dalam sebulan dan 360 hari dalam setahun.
- g. Raja menggunakan kalender untuk menentukan musim menanam dan musim menuai.
- h. Amalan menggunakan kalender ini diteruskan untuk menjalankan aktiviti harian seperti upacara perkahwinan perkuburan atau pengebumian.
- i. Falsafah perang Sun Tzu, - ,The Art of War membicarakan selok- belok perang dan cara menangani musuh telah diulang cetak ke dalam pelbagai bahasa.
- j. Falsafah tersebut diaplikasikan dalam urusan perniagaan.